

PENGANUTAN AGAMA ISLAM DAN KRISTIAN DI KALANGAN MASYARAKAT KADAZANDUSUN DI SABAH

Oleh:
Suraya Sintang *

Abstract

The uniqueness of Sabah's society is not only portrayed by its various ethnics, dialects and cultures, but also the religious adherence of its natives which comprised of two sub-categories known as 'Muslim Bumiputera' and 'Non-Muslim Bumiputera'. This phenomenon shows that the social structure of Sabah is based on religions. Hence the native of Kadazandusun is selected as a focal study to identify the phenomenon of religious adherence in Sabah. This paper initiates to discuss the tendency of Kadazandusun native for choosing Islam and Christianity as their religions. In comparison between these two religions, the Kadazandusun community tend to choose Christianity. The research findings show the numbers of Christians are larger than Muslims with the ratio 4:1. there are various factors which contribute to the tendency of choosing Islam and Christianity among Kadazandusun society. Those factors are related to the historical dissemination of Islam and Christianity, the changes of Sabah's political climate, the method of religious spread and the inter-marriage culture among Sabahan people.

PENGENALAN

Keunikan negeri Sabah bukan sahaja dicirikan dengan kepelbagaian etnik, dialek, budaya dan adat-resamnya, malah diserikan lagi dengan kepelbagaian anutan agama masyarakat pribuminya. Dalam sejarah tamadun manusia, sesuatu bangsa itu biasanya diidentitikan dengan agamanya, misalnya, bangsa Cina diidentitikan sebagai suatu kaum yang beragama Buddha, bangsa India dengan agama Hindu dan bangsa

* Pensyarah Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.

Melayu dengan agama Islam. Demikian juga dalam konteks variasi etnik pribumi Sabah, di mana ikatan antara bangsa dan agama juga diaplikasikan dalam menentukan identiti pribumi tersebut. Misalnya, apabila disebut etnik Bajau, Berunei, Bisaya, Sungai, Idahan secara tidak langsung tergambar di fikiran sesiapa identiti mereka yang beragama Islam atau biasanya dikenali sebagai ‘Islam Asal’¹ atau dalam konteks politik Sabah, kaum ini lebih dikenali sebagai ‘Bumiputra Islam’.

Identiti melalui agama yang dianuti agak sukar ditentukan bagi masyarakat pribumi Kadazandusun. Kekeliruan timbul kerana mereka bukan sahaja diidentitikan sebagai ‘Bumiputra Bukan Islam’ atau penganut Kristian, bahkan mereka juga masih digelar sebagai ‘Islam Mualaf’ dalam konteks sejarah perkembangan dakwah Islamiah di Sabah. Malah sehingga kini, masih terdapat segelintir masyarakat Kadazandusun yang tidak mempunyai agama (pagan). Berdasarkan fenomena tersebut, masyarakat Kadazandusun memperlihatkan satu keunikan dalam penganutan agama. Keunikan ini dicorakkan lagi dengan kecenderungan mereka memilih untuk menganuti agama Islam dan Kristian sahaja. Dengan kata lain, Kadazandusun animis lebih cenderung menganut agama Islam dan Kristian jika dibandingkan dengan agama-agama lain. Justeru, makalah ini cuba memaparkan persoalan penganutan agama Islam dan Kristian di kalangan masyarakat Kadazandusun dengan menumpukan kepada kadar bilangan penganut kedua-dua agama tersebut dan faktor penyumbang ke arah kecenderungan menganut agama Kristian berbanding Islam ataupun agama-agama lain di Sabah. Data-data yang dikemukakan dalam artikel ini adalah berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh penulis dengan menggunakan metode kajian perpustakaan dan lapangan. Penulis membuat olahan terhadap data-data kajian terdahulu yang telah dibuat oleh pengkaji dan turut menggunakan kaedah temubual untuk melengkapkan data-data kajian. Penulis tidak memaparkan pandangan masyarakat Kadazandusun mengenai kecenderungan mereka memilih agama tertentu untuk dianuti.

ISTILAH KADAZANDUSUN

Istilah kaum Kadazandusun wujud berdasarkan beberapa faktor, iaitu merangkumi teori sejarah asal-usul perkataan Dusun, persoalan etnisiti dan pengaruh mubaligh asing. Pelbagai teori dikemukakan mengenai kaum Dusun yang dianggap pada zaman dahulu sebagai satu lagenda. Istilah orang Dusun mula digunakan oleh orang Inggeris dan Melayu merujuk kepada masyarakat yang tinggal di antara persisiran pantai dan pedalaman. Ada pendapat yang mengaitkannya dengan satu kumpulan imigran orang

¹ Muhiddin Yusin (1990), *Islam di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 5.

Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah

Cina, iaitu Lo-Sun yang tiba di negeri ini sekitar abad ke-14.² Terdapat juga teori yang mengatakan bahawa orang Dusun berasal dari rumpun Indo-Melayu yang berhijrah ke Pulau Borneo 15,000-20,000 tahun lampau yang bukan sahaja mempunyai persamaan fizikal tetapi juga persamaan jenis darah.³ Dari segi antropologi, orang Dusun disinonimkan dengan orang Toraja di pedalaman Sulawesi.⁴

Walaupun tidak ada teori dikemukakan mengenai kaum Kadazan, jelasnya perkataan ‘Kadazan’ lewat digunakan. Penggunaan perkataan ‘Kadazan’ biasanya dikaitkan dengan bentuk perniagaan, iaitu ‘tamu’ yang wujud 1800 tahun dahulu. Tamu yang pada mulanya hanya merupakan premis untuk menjual hasil pertanian dan sumber hutan berkembang menjadi kedai. Orang Dusun yang tinggal di kawasan tersebut melahirkan istilah ‘Kadazan’ yang berasal dari perkataan ‘kedai’. Jadi Kadazan bermaksud orang yang tinggal berhampiran dengan kedai atau pekan. Manakala orang Dusun bermaksud orang yang tinggal di pedalaman, terutamanya di Ranau dan Tambunan, manakala orang Kadazan ialah orang yang tinggal di pinggir bandar terutamanya, di Penampang dan Papar.⁵

Persoalan etnisiti Kadazandusun menjadi isu hangat yang diperdebatkan oleh tokoh-tokoh politik dan sosial kaum tersebut. Perdebatan timbul kerana setiap etnik inginkan pemilihan antara salah satunya, sama ada ‘Dusun’ atau ‘Kadazan’ bagi merujuk kepada etnik tersebut.⁶ Menurut Mohamad Yaakub, polemik penggunaan istilah antara ‘Dusun’ dengan ‘Kadazan’ telah berlangsung selama lebih kurang 30 tahun tanpa penyelesaian. Misalnya, Donald Stephen bertegas dengan istilah Kadazannya dan Datuk Ghani Gilong dengan istilah Dusunnya. Beliau merumuskan bahawa istilah Kadazan timbul atas kesedaran di kalangan pemimpin etnik tersebut tentang betapa rendahnya taraf manusia yang bersuku Dusun, hidup di luar bandar

² Japuin Madisah (1984), *Tatacara Adat Istiadat dan Kebudayaan Kadazan*, Kota Kinabalu: Sikuk Pub., h. 3.

³ T.R. Williams (1965), *The Dusun: A North Borneo Society*, t.tp: Holt, Renehart and Winston Inc., h. 3.

⁴ Arena Wati (1979), *Pribumi Sabah: Kadazan/Dusun*, Kota Kinabalu: Penerbitan Yayasan Sabah, h. 9.

⁵ Bede John (1996), *Sejarah Perkembangan Sosio-Ekonomi Masyarakat Kadazan/Dusun di Sabah: Tumpuan Kepada Daerah Tambunan*, Latihan Ilmiah, UKM, Bangi, h. 14.

⁶ Saif @ Saifuddin Hj. Daud (1993), *Transformasi Sosial Menerusi Islamisasi: Satu Kajian Kes di Kalangan Orang Dusun/Kadazan Di Ranau Sabah*, Tesis Sarjana, UKM, tidak diterbitkan, h. 34.

dan bertani.⁷ Kenyataan ini disokong sendiri oleh Donald Stephen dan paderi Mathius Majihi yang mengganggap istilah ‘Dusun’ melambangkan kemunduran dan tidak dinamis, iaitu orang yang tidak berpelajaran, tidak bertamadun dan berfikiran sempit.⁸

Pembentukan istilah kaum Kadazan juga dipengaruhi oleh misionari Kristian. Menurut Ismail Yusoff, istilah Kadazan dicipta oleh misionari untuk kepentingan Kristian. Ini jelas jika dilihat sama ada dari segi sebutan mahupun ejaan perkataan tersebut. Kedua-dua perkataan ini kelihatan hampir sama; seolah-olah nama Kadazan ingin disinonimkan dengan nama Kristian. Tokoh-tokoh yang memperjuangkan nama ini gagal memberikan alasan munasabah kenapa ianya dipilih untuk menggantikan istilah ‘Dusun’. Satu lagi bukti penglibatan misionari Kristian dalam pembentukan istilah Kadazan adalah kajian Rev. Thu En Yu, seorang tokoh Kristian dari Gereja Protestant Sabah yang mencadangkan nama ‘Kadazan’ untuk etnik tersebut bagi menggantikan istilah ‘Dusun’. Cadangan ini dikemukakan menerusi tesis *Master of Theologinya*.⁹

Apa pun perdebatan yang timbul mengenai isu kaum Kadazandusun, ia bukan menjadi fokus utama tulisan ini. Perbincangan mengenai tiga faktor yang mempengaruhi pembentukan istilah kaum Kadazandusun dikemukakan sekadar untuk menjelaskan perbezaan istilah antara kaum Kadazan dengan Dusun dan maksud gabungan kedua-dua istilah tersebut. Dengan kata lain, istilah ‘Kadazan’ merujuk kepada penganut Kristian manakala istilah ‘Dusun’ dihalakan kepada penganut Islam dan animis (pagan). Sementara itu, gabungan antara kedua-dua istilah tersebut dianggap sebagai penyelesaian kepada isu-isu yang timbul berkenaan istilah kaum Kadazandusun.

KEPERCAYAAN TRADISIONAL MASYARAKAT KADAZANDUSUN

Sebelum kedatangan agama monoteisme iaitu agama Islam dan Kristian, orang Dusun dianggap Pagan iaitu orang yang menganut kepercayaan animisme. Malah sehingga kini, masih lagi terdapat orang Dusun Pagan tetapi dalam jumlah yang sedikit. Masyarakat Kadazandusun sememangnya bersifat homogen berbanding dengan keadaan mereka masakini. Mereka menggunakan satu bahasa, mempunyai

⁷ Mohd. Yaakub Hj. Johari (1989), “Issues in the Identification and Classification of Indigenous Ethnic Groups in Sabah and Sarawak,” *The Sarawak Museum Journal*, 40 (60), h. 209-218.

⁸ Majihi F. Matius, “The Question of Identity,” *Daily Express*, Mac 1979.

⁹ Ismail Yusoff (1997), *Politik Dan Agama Di Sabah*, Bangi: Penerbit UKM, h. 67.

Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah

satu budaya dan berpegang kepada satu anutan.¹⁰ Walau bagaimanapun, masyarakat Kadazandusun menjadi semakin kompleks kerana faktor-faktor seperti perubahan budaya, adaptasi kepada ekosistem yang berbeza-beza dan kesan daripada kemasukan budaya asing yang telah menyumbang kepada pembentukan budaya yang pelbagai bentuk seperti yang wujud sekarang. Budaya asing yang telah memberikan impak yang dominan ke atas perubahan budaya masyarakat Kadazandusun ialah kebudayaan masyarakat Cina, Islam dan Barat (Kristian). Dipercayai kedatangan budaya asing tersebut telah banyak mempengaruhi masyarakat Kadazandusun dalam hal-hal yang berkaitan dengan keagamaan, pendidikan, kaedah pertanian, pemilikan tanah dan pembinaan rumah.¹¹

Kehidupan awal Kadazandusun diwarnai dengan corak kepercayaan animisme yang mengakui kewujudan Tuhan yang bernama *Kinorohingan*. Tuhan ini dipercayai mempunyai kuasa mencipta manusia. Tuhan ini juga mempunyai pelbagai nama yang berbeza mengikut etnik dan tempat sesuatu suku itu berada. Bagi orang Dusun Tambunan, Tuhan mereka bernama *Minomugun* dan isterinya bernama *Suminundu* dan kedua-dua tuhan ini dipercayai telah mencipta manusia dari tanah, di mana tanah itu adalah sebahagian daripada roh Tuhan yang dikenali dengan nama *Bisagit*. Orang Dusun Lotud di Tuaran pula percaya Tuhan mereka bernama *Kinorohingan* dan isterinya bernama *Umunsumundu*. Tuhan mereka dipercayai kononnya telah mencipta adat istiadat orang Dusun Lotud serentak dengan penciptaan langit dan bumi serta isi kandungannya. Manusia pula dicipta daripada campuran *rombituon muru-puru* (gugusan bintang tujuh) dan *Garau Ngadau* (pusat matahari) serta kulit *Kondingau* (kulit kayu manis). Manakala bagi orang Dusun Ranau, kuasa *Kinorohingan* tidak jauh berbeza dengan kuasa yang dimiliki oleh Tuhan Dusun-Tambunan dan Tuhan orang Dusun Lotud di Tuaran. *Kinorohingan* bagi orang Dusun Ranau tidak mempunyai isteri dan hidup bersendirian. Orang Dusun di Ranau percaya bahawa terdapat dua kuasa bertentangan yang wujud dalam kehidupan mereka iaitu kuasa kebaikan dan kuasa kejahanatan. Kedua-dua kuasa ini dinamakan *Minomorun* dan *Rogon*.¹² Mereka juga percaya adanya ‘*sokob*’, iaitu satu peristiwa di mana ‘*Kinorohingan*’ telah menenggelamkan seluruh bumi ini, sepertimana yang berlaku pada zaman Nabi Nuh a.s. menurut kepercayaan orang Islam.

¹⁰ Appell, G.N (1965), *Reviews on William Thomas Rhys: The Dusun a North Borneo Society*, New York: Holt Rinehart and Winston, h. 132-136.

¹¹ Saif @ Saifuddin Daud, “Islam di Ranau: Sejarah dan Sumbangannya,” Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Muallaf Sabah pada 26hb. Nov. 1998 di Berjaya Palace Hotel, Kota Kinabalu.

¹² Shaifuddin Hj. Daud, *Transformasi Sosial*, h. 23.

Mereka juga percaya bahawa *bobolian* mempunyai peranan penting untuk membantu masyarakat mereka berkomunikasi dengan alam ghaib apabila mereka terpaksa berhadapan dengan krisis seperti penyakit kronik dan bencana alam. *Bobolian* juga dipercayai boleh menyembuhkan penyakit atau mempunyai kuasa sihir dan boleh menimpa malapetaka kepada orang lain. Kaedah perubatan masyarakat Kadazandusun yang bersifat tradisional dan bersandarkan kepada makhluk halus, dipercayai tidak boleh dilaksanakan kecuali dengan bantuan dan peranan *bobolian*. Kesan daripada kepercayaan animisme tersebut, masyarakat Kadazandusun pada umumnya berada dalam dua situasi yang bertentangan. Pertama, keamanan hidup dapat dirasai dengan nikmat rezeki pemberian alam dan *Kinorohingan*. Kedua, perasaan takut dan bimbang yang sentiasa menyelubungi hidup mereka kerana makhluk jahat dipercayai sentiasa mencari peluang untuk menimpa malapetaka ke atas mereka. Dalam situasi ini, bagi menentukan keselamatan hidup mereka, masyarakat Kadazandusun mestilah sentiasa mematuhi pantang larang dan adat-istiadat sekaligus menjaga hubungan baik dengan alam ghaib. Tentunya orang yang berperanan untuk berkomunikasi dengan alam ghaib ialah *bobolian*.

Konsep kepercayaan animisme di atas hanyalah sebahagian daripada kepercayaan yang mungkin masih dipercayai dan diamalkan oleh masyarakat Kadazandusun animis dan sebahagian penganut Islam dan Kristian. Kesimpulan awal yang dapat dibuat ialah kepercayaan kepada Tuhan yang dikenali sebagai *Kinorohingan* yang mempunyai kuasa mencipta telah wujud dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun animis. Kepercayaan ini lebih dipengaruhi oleh kepercayaan terhadap kuasa alam sekeliling seperti kuasa penunggu dan kewujudan semangat. Namun demikian, kepercayaan tersebut sedikit sebanyak telah diubahsuai dan ditinggalkan oleh sesetengah ahli masyarakat setelah mereka terpengaruh dengan ajaran agama yang menjadi pedoman hidup mereka. Kedatangan agama Islam dan Kristian yang telah diterima oleh sebahagian ahli masyarakat mereka telah menyebabkan lahirnya pelbagai corak kehidupan rentetan daripada pertembungan antara unsur-unsur budaya dan kepercayaan tradisional yang dianuti oleh mereka dengan ajaran kedua-dua agama tersebut. Masyarakat Kadazandusun tidak lagi dikenali sebagai masyarakat ‘pagan’ atau ‘kuno’, tetapi telah menjadi satu kelompok masyarakat yang berbilang pegangan agama. Kehidupan beragama yang menjadi salah satu ciri terpenting dalam pembentukan tamadun, kini menjadi landasan hidup yang membentuk halatuju kemajuan masyarakat Kadazandusun dari segi sosial, ekonomi dan politik di negeri Sabah.

Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah

PENGANUTAN AGAMA ISLAM DAN KRISTIAN DALAM MASYARAKAT KADAZANDUSUN

Kaum Kadazandusun adalah komuniti terbesar pribumi Sabah, iaitu lebih kurang 34% daripada jumlah penduduk Sabah keseluruhannya. Berdasarkan banci penduduk 1991 seperti yang dipaparkan dalam jadual 1, jumlah keseluruhan penduduk kaum Kadazandusun di seluruh Sabah ialah 321,834 orang.

Jadual 1:
Taburan Kaum Kadazandusun Dari Segi Agama

Agama	Orang Kadazan/Dusun	% Agama daripada Kadazan/Dusun
Islam	57,355	17.84
Kristian	237,594	73.89
Hindu	171	0.05
Buddha	2,665	0.83
Confucius / Tao / Agama		
Tradisi Lain Orang Cina	662	0.21
Agama Suku Kaum / Folk	239	0.07
Tiada Agama	19,404	6.03
Lain-Lain	3,457	1.08
Jumlah	321,547	100.00

Sumber: Laporan Penduduk Negeri Sabah, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991

Apabila ditinjau dari segi penganut agama samawi, 73.89% kaum Kadazandusun menganut agama Kristian dan hanya 17.84% yang menganut agama Islam dalam nisbah 4:1. Data ini menunjukkan penganut Kristian di kalangan kaum Kadazandusun adalah empat kali ganda lebih banyak daripada penganut Islam. Mereka bukan sahaja terdiri daripada penganut dua agama besar dunia iaitu Islam dan Kristian tetapi juga terdapat sebilangan kecil yang menganut agama Buddha (0.83%), Hindu (0.05%) dan lain-lain (1.36%). Demikian juga, masih terdapat segelintir kaum Kadazandusun yang tidak mempunyai agama (pagan). Peratusan penganut pagan dengan kadar 6.03% adalah lebih tinggi berbanding dengan peratusan

penganut agama minoriti lain dan kesempatan ini biasanya digunakan oleh para pendakwah Islam dan mubaligh Kristian untuk menyebarkan agama masing-masing kepada mereka yang tidak menganut apa-apa agama.

Kecenderungan kaum Kadazandusun menganut agama lain selain daripada Kristian dan Islam menunjukkan bahawa etnik tersebut bersikap '*flexible*', tidak tertutup dan mudah berasimilasi dengan pengaruh luar. Situasi ini membuka 'peluang keemasan' kepada para aktivis agama yang berminat untuk berusaha menyerap dan mengalihkan '*world-view*' mereka dari masyarakat yang menganut fahaman animisme dan kuno kepada sebuah masyarakat bertamadun dan memiliki kebudayaan baru yang berteraskan kedua-dua agama besar dunia iaitu Islam dan Kristian. Sikap keterbukaan ini turut memperlihatkan identiti masyarakat Kadazandusun yang tersendiri sebagai sebuah suku bangsa Melayu yang tidak terikat dengan agama tertentu secara khusus. Dengan kata lain, walaupun kaum Kadazandusun berasal dari rumpun Melayu tetapi mereka tidak boleh diidentitikan sebagai suku bangsa Melayu-Islam sama seperti kaum etnik pribumi Sabah yang lain seperti Bajau, Bisaya, Berunei, Idahan dan sebagainya. Pada masa yang sama, mereka juga tidak boleh disingkirkan daripada rumpun bangsa Melayu dan diklasifikasikan sebagai bukan-Melayu Kristian. Kini, mereka dikelaskan kepada dua kategori iaitu Bumiputera Islam dan Bumiputera Bukan-Islam (Kristian) dan pengelasan ini sememangnya secocok dan sebatи dengan masyarakat Kadazandusun masa kini. Ringkasnya, masyarakat Kadazandusun adalah satu kaum yang tidak terikat dengan kelaziman bahawa sesuatu bangsa dihubungkan atau dikaitkan dengan agama tertentu secara khusus. Mereka sebaliknya, mempraktikkan dasar kebebasan beragama dengan menjadikan agama Islam dan Kristian sebagai agama pilihan utama untuk dianuti oleh mereka.

FAKTOR-FAKTOR PENYUMBANG PENGANUTAN AGAMA ISLAM DAN KRISTIAN DI KALANGAN MASYARAKAT KADAZANDUSUN

Penganutan agama Islam dan Kristian di kalangan masyarakat Kadazandusun hari ini bukannya ditentukan oleh faktor keturunan atau warisan sebagaimana yang berlaku di kalangan penganut 'Islam asal' di sebelah pantai Timur Sabah atau masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kecenderungan kaum Kadazandusun memilih agama Islam dan Kristian sebagai anutan agama mereka berbanding dengan agama-agama lain. Antara faktor yang dikenalpasti adalah seperti yang diterangkan berikut:

Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah

1. Sejarah Penyebaran Agama Islam dan Kristian

Sejarah kedatangan dan penyebaran agama Islam dan Kristian di Sabah banyak mempengaruhi senario konversi masyarakat Kadazandusun pagan kepada Islam atau Kristian. Walaupun pelbagai teori dikemukakan mengenai kedatangan agama Islam di Sabah, jelasnya kedatangan Islam mendahului Kristian. Namun demikian, jika dibandingkan dari sudut penerimaan agama, masyarakat Kadazandusun lebih dahulu menerima agama Kristian berbanding dengan Islam. Islam telah tersebar di kawasan pesisir pantai Timur dan Barat Sabah atas inisiatif dan peranan yang dimainkan oleh kedua-dua pemerintah awal Sabah, iaitu kesultanan Sulu dan Brunei. Namun begitu, Islam tidak dapat menembusi kawasan pendalamannya kerana kawasan tersebut tidak dapat dikuasai oleh pemerintahan Islam sama ada oleh kesultanan Sulu atau Brunei. Sebaliknya, kawasan tersebut telah dijadikan lokasi utama penyebaran agama Kristian di kalangan masyarakat Dusun pagan setelah kedatangan penjajah Inggeris.

Fakta sejarah menunjukkan, kedatangan dan penyebaran Islam telah bermula pada abad ke-10 berdasarkan kedatangan kapal dagang Arab dari Mendoro (Mai)¹³ ke Canton, China. Dengan ini dipercayai bahawa orang-orang Islam telah mewujudkan penempatan tetap di tempat itu hingga mempengaruhi penduduk tempatan untuk memeluk agama Islam pada abad ke-14 hingga abad ke-15M. Fakta ini diperkuuh lagi dengan bukti kewujudan batu nisan orang Islam di Bud Dato, Jolo bertarikh 1310M. Islam kemudiannya dikembangkan ke Sulu oleh seorang ulama dari Minangkabau, Sharif Awliya al-Makhsum pada tahun 1380 dan disebarluaskan ke Mindanao oleh seorang ulama Arab, bernama Sharif Muhammad Kabongsuan pada tahun 1475. Bermula daripada daerah-daerah inilah, Islam dipercayai berkembang di persisiran pantai Timur Sabah, khususnya di kawasan Kinabatangan dan Lahad Datu, yang akhirnya tersebar ke kawasan pantai Barat Sabah, kira-kira pada akhir abad ke-15 atau awal abad ke-16 melalui kesultanan Brunei.¹⁴ Secara umumnya menurut Mokhtar Ramli,¹⁵ Islam telah memasuki dan tersebar di empat penjuru utama negeri Sabah. Pertama di kawasan pantai Barat Selatan yang dipengaruhi oleh perkembangan Islam di Brunei. Kedua, di kawasan pantai Timur Sabah (Lahad Datu, Semporna dan Kinabatangan) yang dipengaruhi oleh perkembangan Islam di Selatan Filipina. Ketiga, di kawasan penempatan orang

¹³ Mendoro (Mai) adalah satu tempat di Kepulauan Sulu yang tidak jauh dari Sabah.

¹⁴ Mokhtar Ramli (1989), "Kedatangan Islam ke Sabah" dlm. Ismail Mat (ed.), Kuala Lumpur: Penerbitan Asiana, h. 2; Muhiddin Yusin (1990), *Islam di Sabah*, h. 6; Ismail Yusoff (1997), *Politik dan Agama di Sabah*, Bangi: Penerbit UKM, h. 73

¹⁵ Muhiddin Yusin, *op.cit.*, h. 61-62

Tidong dan Bolongan yang dipengaruhi oleh perkembangan Islam di Kalimantan dan Makasar. Keempat, di kawasan penempatan orang Sungai dan Kadayan yang ditemui oleh pengkaji Barat, John White Head¹⁶ yang menemui Borneo dan mendapati penganut Islam di situ berbeza dengan penganut Islam di Berunei.

Boleh dikatakan proses perkembangan Islam agak perlahan di kawasan-kawasan pedalaman seperti Ranau, Keningau, Tambunan, Kiulu dan seumpamanya yang hanya mula menerima Islam menjelang pertengahan abad ke-20M. Daerah Ranau yang menjadi penempatan majoriti orang Dusun misalnya, dipercayai mula menerima Islam setelah wujud hubungan antara mereka dengan Raden Adiniwata atau Mandur Syariff di sekitar tahun 1940-an. Antara pemeluk Islam yang terawal di daerah tersebut termasuklah Muhammad Ali bin Kandalis yang memeluk Islam pada tahun 1943, Haji Daud bin Beringkok yang memeluk Islam pada 10 Ogos 1945, Haji Roman bin Limbongot dan Naiman bin Aru.¹⁷ Ringkasnya, sejarah penerimaan Islam di kalangan masyarakat Dusun menurut Saiffuddin Hj. Daud dapat dibahagikan kepada dua gelombang; gelombang pertama berlaku pada tahun 1940an-1969 dan gelombang kedua berlaku pada tahun 1969-1990an. Dalam gelombang kedua, pertubuhan badan dakwah seperti USIA dan MUIS banyak memainkan peranan penting dalam mengislamkan masyarakat Dusun. Dari tahun 1971-1975, USIA telah berjaya mengadakan 12 majlis pengislaman yang meliputi kawasan pedalaman seperti daerah Ranau, Kota Belud, Tuaran, Keningau dan Tambunan.¹⁸ Secara keseluruhannya gerakan dakwah yang dilancarkan oleh USIA sejak ia ditubuhkan hingga tahun 1976, telah berjaya mengislamkan seramai lebih daripada 50,000 orang lelaki dan perempuan tidak termasuk kanak-kanak. Sekiranya jumlah tersebut dicampurkan dengan bilangan kanak-kanak yang turut memeluk Islam, bilangannya akan memecah hampir 100,000 orang. Dengan demikian, peratus bilangan penduduk Islam di Sabah telah meningkat daripada 38% menjadi 52%.¹⁹

Perbezaan jangkamasa pemelukan Islam di kalangan penduduk pribumi Sabah menyebabkan timbulnya perbezaan dari segi penggunaan istilah yang dirujuk kepada mereka, iaitu di antara istilah ‘Islam asal’ dan ‘Islam mualaf’ (saudara baru). Istilah ‘Islam asal’ digunakan untuk suku yang menjadi penganut Islam secara turun-temurun seperti suku kaum Brunei, Bisaya, Bajau, Idahan, Suluk, Sungai dan seumpamanya.

¹⁶ John Whitehead (1983), *Exploration of Kinabalu*, London: t.pt., h. 34.

¹⁷ Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah*. op.cit., h. 62.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Ag. Sahari Bin Abdul Latif (t.t), *Laporan Perkembangan Dakwah Islamiah di Sabah*, tidak diterbitkan, h. 2.

Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah

Manakala, istilah ‘Islam Mualaf’ pula dirujuk kepada penganut Islam dari suku lain seperti Dusun, Murut, Rungus dan sebagainya sama ada yang baru memeluk Islam atau yang datang dari keturunan yang telah memeluk agama itu sejak satu atau dua generasi sebelum mereka. Masyarakat ‘Islam Mualaf’ ini juga dikenali sebagai kaum ‘Bumiputra Bukan-Islam’. Pengkelasan seperti ini seolah-olahnya menafikan kewujudan dan identiti mereka sebagai penganut Islam.²⁰

Sejarah penyebaran agama Kristian di Sabah tidak jauh bezanya dengan sejarah perkembangan Kristian di Tanah Melayu dan Sarawak. Perkembangan awal Kristian, khususnya dari aliran gereja Katolik yang menjadi gereja dominan di Malaysia pada masa ini bermula selepas runtuhnya kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511. Kerajaan tersebut jatuh di tangan kuasa penjajah Portugis yang dipelopori oleh paderi Katolik, Francis Xavier pada tahun 1546. Di Sarawak, keluarga Broke yang menjajah negeri itu pada abad ke-19 banyak membantu perkembangan awal Kristian. Manakala di Sabah, Syarikat Perniagaan yang dikuasai oleh British, *North Borneo Chartered Company* yang ditubuhkan pada tahun 1881 turut memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Kristian aliran gereja Katolik di negeri tersebut.²¹ Penjajah Inggeris yang datang ke Sabah dan membawa bersama ajaran Kristian turut menggalakkan perkembangan misionari di Sabah bermula kira-kira abad ke-18M. Kedatangan mereka telah mengubah suasana tenteram dan harmoni masyarakat tempatan terutama masyarakat yang beragama Islam. Ini kerana Inggeris secara langsung atau tidak langsung menghalang perkembangan Islam sama ada melalui dasar pelajaran, pentadbiran dan sebagainya.²²

Sejarah awal gerakan Kristian Katolik di Sabah dikesan berdasarkan penemuan fakta sejarah awal Borneo yang menyatakan bahawa Fr. Odoric, seorang paderi Franciscan adalah mubaligh Kristian pertama sampai di Borneo pada tahun 1332.²³ Ia kemudiannya diikuti oleh mubaligh-mubaligh lain dari Portugal iaitu Tistao de Araujo, Jao da Veiga, Antonio Pareira,²⁴ Father Ventimiglia²⁵ dan lain-lain. Kedatangan mereka ke Borneo sebenarnya diatur oleh beberapa pertubuhan Kristian antarabangsa, misalnya, penghantaran Antonio Ventimiglia yang dibuat atas arahan

²⁰ Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah*, h. 32.

²¹ Ismail Abd. Rahman (2000), *Gerakan Gereja Katolik di Malaysia*, Bangi: UKM, h. 46.

²² Ismail Yusoff, *Politik dan Agama*, h. 75.

²³ Parsons L.M (1967), “The Catholic Church in Borneo” in *Sabah Society Journal* 3, h. 137.

²⁴ Nicholl. R. (1972), *Europeans for History of the Sultanate of Brunei*, h. 89.

²⁵ Nicholl (1975), “The Mission of Father Antonio Ventimiglia to Borneo” in *Sabah Museum Journal* 2, h. 183.

Theatine Mission dalam rangka untuk menyebarkan agama Kristian ke seluruh dunia.²⁶ Menurut John Rooney, misi Katolik di Sabah terpaksa berdepan dengan masalah kewangan kerana mereka tidak memiliki sumber ekonomi kukuh seperti mana yang dimiliki oleh misi Katolik di Sarawak yang memiliki ladang. Pendapatannya cuma bergantung pada keuntungan yang diperolehi dari sekolah St. Mary di Sandakan dan sekolah Sacred Heart di Jesselton (Kota Kinabalu). Oleh itu, boleh dikatakan perkembangan kemasukan Kristian ke Borneo agak lembab di awal 30 tahun pertapakannya di Borneo disebabkan wujudnya masalah kekurangan tabung kewangan dan kakitangan.²⁷

Usaha misionari seterusnya dapat dilihat selepas kedatangan Fr. Don Carlos Cuarteron ke Borneo,²⁸ dimana selepas kedatangannya, ‘Gereja Sacred Heart’ yang pertama telah ditubuhkan di Sabah pada tahun 1857M. Melalui pertubuhan gereja, penjajah Inggeris memberikan tunjuk-ajar dan bimbingan pengurusan yang cekap dan bersistematis. Seterusnya agama Kristian berkembang pesat melalui peranan yang dimainkan oleh para mualigh misionari Mill Hill England. Peranan mereka telah menyebabkan ajaran Kristian berkembang pesat dalam masyarakat Dusun pagan. Sabah dipilih sebagai salah satu sasaran misi Kristian kerana para mualigh Kristian dari The Mill Hill England mempunyai kaitan secara langsung dengan gerakan mualigh Katolik di Kepulauan Borneo. Langkah permulaan yang dilakukan oleh para mualigh Mill Hill adalah memberi tumpuan kepada kegiatan penjelajahan dan penyelidikan. Hasil kegiatan tersebut, iaitu dalam jangkamasa lima tahun (antara tahun 1881-85), para misionari berjaya menubuhkan beberapa stesen misi Katolik di Labuan, Papar, Sandakan, Putatan Inobong-Penampang, Tambunan, Keningau, Bundu Kuala Penyu, Tawau dan Kudat.²⁹

Penyebaran awal agama Kristian Katolik di kalangan masyarakat Kadazandusun bermula pada abad ke-19. Rancangan penyebaran agama tersebut bermula apabila Francis Witti, seorang pengembara Eropah berbangsa Hungary yang menjadi perintis di Kepulauan Borneo, meminta Thomas Jackson yang ketika itu menjadi Perfect Apostolic pertama bagi wilayah Labuan dan Borneo agar beliau mengambil langkah mengkristiankan masyarakat Kadazandusun dahulu sebelum misi Katolik diperkenalkan kepada kumpulan etnik lain di Sabah.³⁰ Untuk mengkristiankan orang

²⁶ John Rooney 9181), *Good News: A History of the Catholic Church in East Malaysia and Brunei 1880-1976*, London: Mill Hill Missionaries, h. 12.

²⁷ Ismail Abd. Rahman, *Gerakan Gereja Katolik*, h. 76.

²⁸ John Rooney, *op.cit.*, h. 18.

²⁹ Ismail Abd, *op.cit.*, h. 27.

³⁰ *Ibid.*, h. 64.

Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah

Kadazan, Jackson perlu mendapat restu daripada seorang Maharani Dusun berbangsa Kadazan bernama Dintas yang tinggal di Kota Belud dan Ulu Ranau.³¹ Beliau kemudiannya dikristiankan dan dengan pengkristianan Dintas, maka bermulalah penganutan Kristian Katolik di kalangan masyarakat Kadazandusun. Sehingga kini, aliran Kristian Katolik menjadi begitu berpengaruh di bahagian pantai Barat Sabah khususnya di kawasan Penampang, Bundu Tuhan, Tambunan, Keningau dan sebagainya. Manakala aliran Kristian Protestan pula berpengaruh di kawasan pedalaman Sabah seperti daerah Ranau dan Kota Belud.

Gereja Sidang Injil Borneo juga bukan sahaja berbeza dari segi upacara keagamaan dengan gereja Katolik, tetapi gereja ini merupakan satu-satunya aliran gereja Kristian yang tumbuh di Sabah dengan berimejkan imej tempatan.³² Imej tempatan yang dimaksudkan adalah gereja bebas menentukan dasar dan upacara keagamaan, di mana semua itu hanya ditentukan oleh Majlis Tertinggi Pusat yang lahir di bumi Sabah sendiri. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Jalumie Mujit³³ ke atas masyarakat Kadazandusun di Sabah, terdapat kira-kira 70% daripada anggota gereja Sidang Injil Borneo pada hari ini terdiri daripada orang Dusun yang kebanyakannya mendiami kawasan pedalaman seperti Ranau, Kota Belud, Kota Marudu, Tuaran, Keningau, Tenom dan Sugut. Penyebaran agama Kristian aliran mazhab Protestan dari aliran gereja Sidang Injil Borneo dipelopori oleh para mualigh Borneo Evangelical Mission yang berasal dari Australia. Agama Kristian mula tersebar di kalangan masyarakat Kadazandusun Ranau melalui seorang Botani Kristian bernama Rev.Joseph Clemens dan isterinya Mary Strong Clemens yang membuat kajian tentang flora dan fauna di kaki gunung Kinabalu pada tahun 1930an.³⁴

Rev. Clemens telah memberitahu Frank Davidson keadaan orang-orang Dusun di kaki gunung Kinabalu yang mula terbuka kepada ajaran Kristian semasa beliau tinggal bersama-sama dengan mereka di kampung Parad, Tuaran.³⁵ Kejayaan awal

³¹ *Ibid.*, h. 65.

³² Ghazali Basri (1996), *Pengaruh Karismatik Dalam Agama Kristian*, Siri Monograf. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, h. 10.

³³ Jalumie Mujit (1995), *Gerakan Misionari Sidang Injil Borneo Dalam Penyebaran Agama Kristian Di Kalangan Masyarakat Dusun Di Sabah*, Latihan Ilmiah. UKM: Tidak diterbitkan, h. 103.

³⁴ Richard, Y.S. (1999), *Sejarah Gereja Sidang Injil Borneo*, Kuala Lumpur: Nipuhawang Publishing, h. 36.

³⁵ Pada hari ini kampung Parad dikenali sebagai kampung Balabakan atau Pekan Nabalu. Perkampungan ini terletak di kaki gunung Kinabalu dan akan dilalui oleh seseorang sekiranya ia menaiki kereta dari Kota Kinabalu ke Ranau.

dapat dilihat apabila En. Gilingan menerima agama Kristian.³⁶ Pada April 1937, Hudson Southwell dan Stafford Young iaitu dua orang misionari BEM telah dipilih untuk membuat tinjauan awal kerja-kerja penyebaran agama Kristian di kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah. Mereka memulakan perjalanan dengan menuju ke Labuan. Dari Labuan mereka kemudiannya menuju ke Beaufort, Tenom, Keningau dan seterusnya ke Ranau. Selepas berada di Ranau, mereka kemudiannya menuruni Kuala Abai di Kota Belud dan berjalan di sepanjang pinggir pantai Tuaran, Sabah. Setelah tinggal beberapa bulan di Sabah, misionari ini akhirnya kembali semula ke Limbang, Sarawak. Dalam tinjauan awal ini, mereka mendapati bahawa orang-orang Dusun ketika itu memang telah mula terbuka hati untuk menerima agama Kristian, seperti mana yang dikatakan oleh Rev. Joseph Clemens sebelum ini.³⁷ Di antara orang Dusun Ranau yang menerima agama Kristian ialah K.K Sinit Gembiran, Ketua Kampung Rendegung Ranau yang memeluk Kristian pada tahun 1937.

Selepas perang dunia kedua ramai kalangan orang Dusun menerima Kristian sebagai anutan agama mereka. Antaranya ialah En. Langadan, En. Gungkangau, En. Seriau di kampung Parad (Tuaran), manakala di Ranau pula ialah En. Kerengkos (Kg. Kopongian), En. Bolingki (Kg. Kopongian), En. Maliton (Kg. Kinarasan), En. Koumbur (Kg. Kinarasan), En. Gelida (Kg. Tudangan), En. Unggau (Kg. Marakau), En. Langan (Kg. Lasing), En. Indong (Kg. Muruk), En. Korodi (Kg. Matan), En. Dayeh (Kg. Nampasan Lama), En. Kunal (Kg. Pinawantai), En. Kupin (Kg. Kituntul), En. Gindol (Kg. Ganan-Gana), En. Supin (Kg. Paus) dan lain-lain lagi.³⁸

Faktor sejarah kedatangan, penyebaran dan penerimaan agama Islam dan Kristian merupakan pemangkin utama ke arah wujudnya variasi anutan agama di kalangan masyarakat Kadazandusun Sabah. Perbezaan jangkamasa penerimaan agama dan sokongan dari pihak penjajah Inggeris menyumbang kepada nisbah bilangan penganut Kadazan Kristian yang melebihi penganut Islam.

2. *Perubahan Iklim Politik Sabah*

Negeri Sabah adalah satu negeri yang unik di mana iklim politiknya telah berubah kepada tiga musim. Perubahan iklim politik semasa negeri Sabah banyak

³⁶ Richard Y. S. (1992), *Sidang Injil Borneo (SIB): A Study of The Establishment, Growth, Strengths and Weaknesses*. Thesis B. Theology, Malaysia Bible Seminary, Selangor, tidak diterbitkan, h. 57.

³⁷ Shirley Lees (1993), *Mabuk Sebelum Fajar Menyinsing (Drunk Before Dawn)*, United Kingdom: Oversea Miss Press, h. 75-76.

³⁸ Jalumie Mujit, *Gerakan Misionari Sidang Injil Borneo*, h. 164.

Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah

mempengaruhi perkembangan dakwah Islamiah dan misionari Kristian. Dengan kata lain, jatuh bangunnya agama itu bergantung kepada perubahan tumpuk pemerintahan negeri. Sebagai contohnya, perkembangan dakwah Islamiah di Sabah mencapai peringkat kegemilangan pada zaman pemerintahan USNO (1961-1976), menurun semasa pemerintahan BERJAYA (1976-1985) dan akhirnya terpaksa bersaing dengan kegiatan rancak misionari Kristian pada zaman pemerintahan PBS (1985-1994). Ringkasnya, gerakan dakwah Islamiah menghadapi ‘persaingan’ dengan gerakan misionari Kristian, khususnya persaingan untuk memegang tumpuk pemerintahan negeri di antara orang Kristian dan Islam.³⁹

Perkembangan misionari Kristian mencapai kejayaan besar melalui jaminan hak rakyat Sabah dalam 20 Perkara syarat Sabah merdeka melalui Malaysia. Ini kerana dalam ‘syarat’ tersebut, tidak dinyatakan Islam sebagai agama rasmi sebaliknya mereka bebas mengembangkan Kristian tanpa gangguan dari kerajaan Pusat.⁴⁰ Pada zaman pemerintahan USNO, Tun Datu Mustapha telah meminda perlembagaan negeri Sabah pada tahun 1973 dengan menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri. Tindakan ini membangkitkan semangat ‘kekristianan’ di kalangan tokoh-tokoh Kristian Sabah dan pemimpin pertubuhan Kristian Antarabangsa. Akhirnya, hasil gabungan usaha di antara badan Kristian tempatan dan antarabangsa, perkembangan misionari Kristian mencapai kemuncak kegemilangannya pada zaman pemerintahan PBS (1985-1994).⁴¹

Perubahan iklim politik negeri Sabah bukan sahaja memperlihatkan persaingan untuk mendapatkan kuasa antara tokoh-tokoh politik, tetapi juga turut menjadi faktor penentu kepada arus perkembangan agama di Sabah. Perkembangan agama Islam pada awal zaman 70-an misalnya, banyak dibantu oleh sokongan parti pemerintah Sabah ketika itu, iaitu USNO. Pemimpin USNO menjalankan program pengislaman sehingga berjaya meningkatkan jumlah penganut Islam di negeri tersebut. Keadaan yang sama juga berlaku dalam konteks penyebaran agama Kristian. Fenomena ini dapat dilihat semasa Sabah berada di bawah pemerintahan Parti Bersatu Sabah (PBS) antara tahun 1986-1994 di mana jaminan kestabilan politik negeri bukan sahaja meningkatkan jumlah penganut agama Kristian dan bilangan gereja serta kader-kader Kristian, tetapi juga banyak memberi ruang kepada para pengembang agama Kristian menggunakan hak kebebasan beragama yang dinikmati mereka untuk

³⁹ Zakiah Hj. Muhammad (1991), *Sejarah Perkembangan Dakwah Agama Islam di Sabah*, Latihan Ilmiah. UKM, tidak diterbitkan, h. 75.

⁴⁰ Ismail Yusoff, *Politik dan Agama*, h. 140.

⁴¹ *Ibid.*, h. 87.

mengembangkan agama Kristian sama ada melalui saluran media seperti penerbitan akhbar *Catholic Sabah* dan saluran-saluran yang lain.

3. Metode Penyebaran Agama

Metode penyebaran agama yang diperkenalkan oleh misionari Kristian Barat dan kemudiannya dijadikan panduan oleh para misionari Kristian tempatan adalah lebih bersifat sejagat jika dibandingkan dengan metode dakwah Islamiah. Kesejahteraan ditonjolkan menerusi pendekatan mengutamakan perkhidmatan dan kebajikan sosial lebih daripada menerangkan doktrin agama Kristian itu sendiri. Kemudahan dan kesejahteraan sosial amat diperlukan oleh masyarakat Kadazandusun kerana pada umumnya tahap pembangunan di negeri Sabah masih jauh ketinggalan berbanding dengan kemudahan dan kemajuan yang dikecapi oleh orang-orang Melayu di Semenanjung Malaysia. Program Kristianisasi yang digerakkan di Sabah semasa negeri tersebut berada di bawah pimpinan PBS (1985-1994) misalnya, telah menggunakan pendekatan politik dan pendekatan mengutamakan kebajikan sosial bagi menarik masyarakat menerima agama tersebut. Pendekatan seperti ini berjaya mengubah sejarah pemikiran dan mencetuskan kesedaran baru identiti suku kaum Kadazandusun berdasarkan agama Kristian.⁴²

Pendekatan penyebaran agama Kristian yang selari dengan kehendak dan citara masyarakat setempat merujuk kepada inisiatif menggunasuai pendekatan ‘*contextualization*’ dan ‘*syncritism*’ dalam aktiviti penyebaran agama Kristian di kalangan masyarakat. Kedua-dua pendekatan ini bukan sahaja berjaya menarik perhatian suku kaum Kadazandusun, malahan sebahagian besarnya telah menjadikan Kristian sebagai anutan agama mereka. *Contextualization* bermaksud “pengubahsuaian menurut kehendak masyarakat setempat asalkan doktrin Kristian dapat diterima.”⁴³ Penggunaan pendekatan ini oleh misionari Kristian sebahagiannya dapat dilihat melalui aktiviti penterjemahan Bible kepada bahasa tempatan atau bahasa ibunda.

Jadual 2 menunjukkan kegiatan penterjemahan yang telah dijalankan oleh misionari *Borneo Evangelical Mission* dengan kerjasama penduduk tempatan. Mereka telah menterjemahkan Bible (Al-Kitab) kepada pelbagai bahasa termasuk bahasa Kadazandusun. Kegiatan penterjemahan ini telah memudahkan golongan sasar khasnya masyarakat Kadazandusun termasuk golongan agama yang berpendidikan rendah, memahami isi kandungan Bible dengan baik. Kegiatan

⁴² Ismail Yusoff, *Politik dan Agama*, h. 87.

⁴³ Ghazali Basri (1994), *Gerakan Kristian: Satu Tinjauan Sosiologi*, Selangor: Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam, h. 41.

Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah menepati kehendak masyarakat tempatan, khasnya masyarakat Kadazandusun menyumbang ke arah pemantapan ajaran Kristian di kalangan masyarakat tersebut.

Jadual 2
Kemajuan Penterjemahan Al-Kitab Dalam Bahasa Suku

Bil	Bahasa	Beberapa Kitab	Perjanjian Baru	Seluruh Al-Kitab	Penterjemah
1.	Bidayuh	1887	1963	-	-
2.	Bisaya	1938	-	-	BEM
3.	Dusun	1956	1971	1990	Dayeh Bantasan, Sam Gollan, Mansai Bimbilang, Stemnah Sariau, Dompoi Gorilat & beberapa Orang lain
4.	Kayan	1956	1970	1990	Leah Cubit BEM
5.	Kelabit	1965	-	-	BEM
6.	Kenyah	1956	1978	-	R. Cunningham BEM
7.	Lun Bawang	1942	1962	1982	Madge Belcer BEM Tubu Padan
8.	Penan	1958	1974	-	Phyllis Webster BEM
9.	Murut Tagal	1960	1987	-	Shirley Lees, Jean Davis BEM

Sumber: Daud Soesilo. 1990. *Mengenal Al-Kitab Anda*. Lembaga Al-Kitab Indonesia

Selain daripada penggunaan pendekatan ‘*contextualization*’ atau pendekatan berasaskan budaya setempat yang digunakan oleh misionari Kristian dalam menyebarkan agama Kristian, mereka juga mengenangkan konsep *sinkretisme* bagi menjayakan misi mereka. Konsep *sinkretisme* menurut Norazit Selat⁴⁴ telah digunakan pertama kalinya sebagai satu usaha untuk menyatukan agama Kristian yang mempunyai berbagai-bagai aliran. Pada masa ini, konsep tersebut telah digunakan bagi menyatukan di antara sistem kepercayaan agama tempatan dengan kepercayaan agama Kristian di negeri yang pernah dijajah. Unsur-unsur penyatuantara budaya tradisional dengan agama Kristian dapat dilihat dalam sambutan ‘Pesta Menuai’ yang dikenali dalam bahasa Kadazandusun sebagai ‘*Magawau*’. Satu upacara Misa Kudus diadakan khas untuk pesta menuai. Dalam upacara tersebut, seseorang akan membawa tujuh tangkai padi tuaian pulang ke rumah setelah semua hasil padi dimasukkan ke dalam *ketawai* atau ‘*tongkob*’. Tujuh tangkai padi itu yang menjadi lambang kepada *Bambarayon* (semangat padi) kemudiannya akan ditunjukkan kepada paderi untuk diberkati. Upacara ini disertai dengan beberapa upacara lain seperti memukul gong, tarian dan lain-lain upacara berasaskan budaya-budaya tradisional.⁴⁵

Penggunaan metode *contextualization* dan *sinkretisme* yang digunakan secara meluas dalam proses penyebaran agama Kristian di Sabah dianggap sebagai satu kelebihan yang ada pada penyebar agama Kristian. Senario ini membolehkan misionari Kristian menyaingi program pengembangan dakwah Islamiah di Sabah. Rata-rata golongan pendakwah di Sabah, sama ada yang terdiri daripada guru-guru agama dari Semenanjung atau masyarakat tempatan kurang memahami sosio-budaya masyarakat Kadazandusun. Mereka juga tidak mempunyai kemampuan bertutur dalam bahasa Kadazandusun. Senario ini berlanjutan apabila langkah menguasai bahasa Kadazandusun tidak dianggap sebagai langkah penting yang perlu dilakukan oleh para pendakwah agar ia dapat menggerakkan aktiviti dakwahnya dengan lebih berkesan. Beberapa faktor seperti kurangnya penguasaan bahasa Kadazandusun, tiadanya kerjasama antara masyarakat Islam dalam menggerakkan aktiviti dakwah dan tiadanya terjemahan al-Quran dalam bahasa Kadazandusun berdasarkan anggapan bahawa usaha menterjemahkan al-Quran ke dalam bahasa Kadazandusun sebagai perkara remeh dan tidak perlu menyebabkan program penyebaran dakwah Islamiah di kalangan masyarakat Kadazandusun tidak dapat dilaksanakan secara yang lebih efektif dan berkesan. Sesungguhnya, sejarah kegemilangan Islam di Andalus adalah bermula dari kegiatan penterjemahan yang dilakukan oleh para intelektual Islam dan

⁴⁴ Norazit Selat (1986), *Konsep Asas Antropologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 129.

⁴⁵ Buku Cenderamata *Tadau Tagazo Kaamatan*, 1999, h. 7.

Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah

langkah ini perlu dicontohi oleh para pendakwah di Sabah. Penguasaan bahasa jelas penting dalam usaha menyumbang idea dan memupuk kerjasama di antara para ilmuwan dengan masyarakat tempatan yang beragama Islam.

Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan bahawa tidak semua metode penyebaran agama Kristian perlu diikuti oleh para pendakwah Islam. Ini kerana terdapat metode yang digunakan mereka tidak selari dengan ajaran Islam, misalnya metode *sinkretisme*. Metode ini bercanggah dengan ajaran Islam dan ia tidak boleh digunakan oleh para pendakwah bagi menyebarkan ajaran Islam. Percanggahan boleh dilihat dari sudut wujudnya penyatuan antara unsur-unsur kepercayaan roh dan semangat dengan suatu benda hidup yang dikatakan mempunyai kuasa dinamis. Sambutan pesta menuai misalnya, yang bertujuan untuk memuja semangat padi (*Bambarayon*) adalah bercanggah dengan keyakinan Muslim terhadap kekuasaan dan keesaan Allah SWT. Tauhid yang menjadi benteng pertahanan seseorang Muslim tidak boleh dicacatkan atau dirosakkan dengan kepercayaan terhadap *thagut* yang boleh membawa kepada syirik selain daripada kufur, bida'ah, khurafat, fasiq dan *ilhād*.⁴⁶ Ini sesuai dengan firmanNya yang bermaksud:

“Sesiapa yang tidak percayakan thagut (iaitu syaitan, berhala dan apa sahaja yang menyesatkan) dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali Allah) karangan yang teguh ”. [(al-Baqarah 92): 256]

4. Budaya Kahwin-Campur

Selain daripada faktor-faktor yang dinyatakan di atas, budaya kahwin-campur turut menjadi faktor penyumbang penganutan agama Islam dan Kristian di kalangan masyarakat Kadazandusun. Sememangnya sehingga kini belum ada statistik yang menunjukkan kadar bilangan masyarakat Kadazandusun yang terlibat dengan amalan kahwin-campur. Namun Musli Oli pernah menyatakan, Sabah adalah sebuah negeri yang mempunyai rekod kahwin-campur tertinggi di Malaysia atau berkemungkinan besar yang tertinggi di dunia. Fenomena kahwin-campur di Sabah melahirkan beberapa etnik seperti Sino-Kadazan, Kadazan-Berunei, Sino-Bajau, Sino-Berunei, Sino-Bisaya dan sebagainya.⁴⁷ Amalan kahwin-campur yang kebanyakannya melibatkan kaum Kadazandusun turut mempengaruhi pertukaran anutan agama kalangan yang terlibat sama ada memilih agama Islam atau Kristian.

⁴⁶ Ismail bin Omar (1999), *Manhaj Aqidah Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah*, suntingan Lokman Abd. Rahman dan Musa Ahmad, Shah Alam: Angkatan Edaran Ent. Sdn. Bhd., h. 209.

⁴⁷ Musli Oli (1999), *Sabah Kepada Siapa Hendak Diserahkan?*, Kuala Lumpur: Jaharah Enterprise, h. 132.

Fenomena kahwin-campur antara ahli masyarakat Kadazandusun dengan kelompok pribumi Sabah lain telah menjadi satu budaya dan perkara biasa di Sabah. Dalam kajian penulis, terdapat beberapa buah keluarga masyarakat Kadazandusun yang mendiami daerah Ranau khususnya di kawasan penempatan kaum Kadazandusun di kampung Bundu Tuhan, Tegudon Baru dan Kilimu yang mengamalkan budaya kahwin-campur. Dalam keluarga tersebut didapati ibubapa mereka masih mengamalkan kepercayaan tradisional (animis), manakala anak-anak mereka menganut agama yang berbeza-beza khususnya agama Islam dan Kristian. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada beberapa kes yang dilaporkan seperti berikut:

Kes I

<i>Bapa</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Ibu</i>	<i>Pagan</i>
<i>Anak Sulung</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Anak Kedua</i>	<i>Islam</i>
<i>Anak Ketiga</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Anak Keempat</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Anak Kelima</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Anak Keenam</i>	<i>Islam⁴⁸</i>

Kes II

<i>Bapa</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Ibu</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Anak Pertama</i>	<i>Islam</i>
<i>Anak Kedua</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Anak Ketiga</i>	<i>Islam</i>
<i>Anak Keempat</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Anak Kelima</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Anak Keenam</i>	<i>Roman Katolik⁴⁹</i>

⁴⁸ Temubual dengan En. Rasykan bin Abd. Rahim pada 2hb. 08. 2000 pukul 11.00 pagi di gerai minum beliau. Kes pertama ini melibatkan Ketua Kampung Kilimu (nama tidak dinyatakan). Menurut beliau, anak kedua keluarga tersebut yang bernama Mohd. Razali bin Abdullah telah memeluk Islam setelah berkahwin. Begitu juga anak keenam beliau yang bernama Mohd. Azlan bin Abdullah.

⁴⁹ Kes kedua ini juga melibatkan keluarga En. Rasykan sendiri iaitu keluarga iparnya. Anak pertama yang bernama Masnawi telah memeluk Islam setelah berkahwin dan kini menetap di Tegudon Baru.

Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah

Kes III

<i>Bapa</i>	<i>Sidang Injil Borneo</i>
<i>Ibu</i>	<i>Sidang Injil Borneo (meninggal)</i>
<i>Anak Pertama</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Anak Kedua</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Anak Ketiga</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Anak Keempat</i>	<i>Islam</i>
<i>Anak Kelima</i>	<i>Sidang Injil Borneo</i>
<i>Anak Keenam</i>	<i>Islam⁵⁰</i>

Kes IV

<i>Bapa</i>	<i>Sidang Injil Borneo</i>
<i>Ibu</i>	<i>Sidang Injil Borneo</i>
<i>Anak Sulung</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Anak Kedua</i>	<i>Sidang Injil Borneo</i>
<i>Anak Ketiga</i>	<i>Islam</i>
<i>Anak Keempat</i>	<i>Sidang Injil Borneo</i>
<i>Anak Kelima</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Anak Keenam</i>	<i>Roman Katolik</i>
<i>Anak Ketujuh</i>	<i>Yesus Benar (Anglikan)</i>
<i>Anak Kelapan</i>	<i>Sidang Injil Borneo</i>
<i>Anak Kesembilan</i>	<i>Sidang Injil Borneo</i>
<i>Anak Kesepuluh</i>	<i>Sidang Injil Borneo⁵¹</i>

Beberapa kes kahwin-campur yang dilaporkan di atas menunjukkan masyarakat Kadazandusun bersikap terbuka dan fleksibel dalam memilih agama anutan mereka. Budaya ini juga turut memperkayakan khazanah kebudayaan pribumi Sabah di samping menyumbang ke arah peningkatan penganut Islam dan Kristian di negeri tersebut.

⁵⁰ Anak keempat bernama Rohana binti Abdullah memeluk Islam setelah berkahwin. Demikian juga dengan anak keenam, Mohd. Irwan bin Abdullah yang juga memeluk Islam setelah berkahwin.

⁵¹ Anak ketiga bernama Sulaiman bin Abdullah telah memeluk Islam setelah berkahwin.

KESIMPULAN

Penganutan agama Islam dan Kristian di kalangan masyarakat Kadazandusun jelas dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti faktor sejarah, iklim politik, metode penyebaran agama dan budaya kahwin campur. Dari segi sejarah, tumpuan gerakan misionari ke kawasan pedalaman menyebabkan penerimaan awal ahli masyarakat Kadazandusun terhadap agama Kristian berbanding agama lain, khususnya agama Islam. Kelompok individu awal yang memeluk agama Kristian inilah yang bertanggungjawab mengembangkan ajaran Kristian dalam masyarakat Kadazandusun. Akhirnya mereka dapat membentuk sebuah masyarakat Kadazandusun Kristian moden dan dinamik di Sabah. Demikian juga dengan faktor politik, di mana keselesaan penganut Kadazandusun Kristian dapat ditingkatkan dengan sokongan pihak pemerintah negeri Sabah khususnya, semasa Sabah di bawah kekuasaan Parti Bersatu Sabah (PBS). Di samping itu, metode penyebaran agama Kristian yang bersifat sejagat turut menyumbang peningkatan jumlah bilangan penganut agama Kristian di kalangan masyarakat Kadazandusun sehingga melebihi penganut Dusun yang beragama Islam. Budaya kahwin-campur turut berperanan meningkatkan jumlah penganut agama Islam dan Kristian di kalangan etnik tersebut.

Kurangnya peratusan penganut Islam di kalangan masyarakat Kadazandusun adalah disebabkan metode penyebaran agama Islam yang digunakan oleh para pendakwah tidak bersifat sejagat. Fenomena ini telah mengakibatkan kurangnya minat kaum Kadazandusun untuk menerima agama Islam. Ini ditambah lagi dengan sikap masyarakat Islam yang kurang memberi perhatian terhadap aktiviti penterjemahan al-Quran dan penghasilan karya tafsir dalam bahasa kumpulan sasaran sebagai satu strategi untuk memperkenalkan Islam kepada seluruh lapisan masyarakat khususnya di kalangan mereka yang berpendidikan rendah. Kelemahan pendakwah menguasai bahasa kumpulan sasaran juga turut merencatkan usaha pengembangan agama Islam di kalangan masyarakat Kadazandusun.